

16 MAY 2002

Mahathir-Inggeris

DR MAHATHIR MAHU PENUNTUT KUASAI BAHASA INGGERIS

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Rabu menggesa penuntut Malaysia menguasai Bahasa Inggeris bagi membolehkan mereka berkomunikasi dengan warga asing dan melayari Internet serta mengikuti perkembangan terkini bidang kejuruteraan dan sains.

"Tidak mungkin untuk menterjemahkan semua teks Bahasa Inggeris terbaru kepada Bahasa Melayu dan daripada menunggu teks itu diterjemahkan kepada bahasa Melayu, sesiapa yang fasih bahasa itu dapat mengakses dengan segera perkembangan terkini bidang Kejuruteraan dan Sains," kata beliau.

Semasa berucap di hadapan kira-kira 160 penuntut Malaysia dari seluruh Amerika Syarikat di Kedutaan Malaysia, di sini, Perdana Menteri menasihati mereka supaya menjauhkan diri daripada kumpulan militan atau penganas yang matlamat utama mereka ialah untuk menggulingkan kerajaan menerusi keganasan.

"Saya tidak tahu mengapa mereka mahu menggunakan senjata sedangkan mereka boleh menggunakan pilihan raya untuk memilih kerajaan mereka," kata beliau.

Dr Mahathir mengingatkan mereka mengenai slogan "Malaysia Boleh" dan cabaran-cabaran yang menanti sambil negara bersiap sedia menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Beliau bangga dengan pencapaian rakyat Malaysia mendaki Gunung Everest, belayar mengelilingi dunia dan "mengenai seseorang yang sudahpun ke Antartika."

Kenyataan terakhirnya itu disambut dengan ketawa dan tepukan daripada para penuntut yang mengimbas pengembaraan Perdana Menteri ke Kutub Selatan baru-baru ini.

Terdahulu, Dr Mahathir merasmikan canseri baru Kedutaan Malaysia di No 3516 International Court. Bangunan itu, yang siap pada Februari lepas, dibina mengikut gaya "Inggeris-Selat," yang menggabungkan senibina Melayu dan jajahan British.

Semasa berucap merasmikan bangunan baru itu, Perdana Menteri berkata tugas kedutaan dan kakitangannya adalah termasuk mengesan dengan segera "perubahan dalam persepsi dan pendapat bagi membetulkannya dengan cepat."

Dr Mahathir berkata memandangkan Washington adalah kerusi kerajaan paling berkuasa, adalah penting bagi Malaysia untuk mengukur kesan laporan media terhadap sikap atau persepsi para pembuat keputusan di Washington.

"Ini merupakan tanggungjawab berat bagi kedutaan dan kakitangannya dalam mengumpul maklumat bagi kerajaan kita dan menasihati kita mengenai apa tindakan atau reaksi sewajarnya pada pihak kita," kata beliau.

Dr Mahathir menamatkan lawatan rasmi tiga hari beliau ke Washington atas jemputan Presiden George W. Bush, pada Rabu. Kedua-dua pemimpin itu bertemu pada Selasa untuk membincangkan mengenai keganasan, masalah di Asia Barat dan isu-isu dua hala.

Perdana Menteri juga mengadakan perbincangan dengan anggota-anggota Pentadbiran Bush semasa menginap di rumah bersejarah, Blair House. Mereka termasuk Naib Presiden Amerika Richard Cheney, Penasihat Keselamatan Nasional Condoleezza Rice, Wakil Dagang Amerika Robert Zoellick, Setiausaha Pertahanan Donald Rumsfeld dan Pengerusi Lembaga Rizab Persekutuan Alan Greenspan.

--BERNAMA

SH SH AAM NAK